

# SISTEM PENDIDIKAN DI MALAYSIA

## Sejarah dan Cabaran Abad ke-21

Buku ini membincangkan sistem pendidikan yang terdapat di Malaysia. Pengarang memulakan bab dalam buku ini dengan mengaitkan sejarah sistem pendidikan Malaysia dalam empat fasa. Fasa Pertama berlaku dari tahun 1511 sehingga 1957. Dalam fasa yang begitu lama tersebut, berlaku pelbagai perkara yang melibatkan sistem pendidikan seperti sistem pendidikan sekolah pondok, sistem pendidikan zaman penjajah British, sistem pendidikan zama Jepun, sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Fasa Kedua dari tahun 1957 hingga 1970, Fasa Ketiga dari tahun 1970 hingga 1996 dan Fasa Keempat dari tahun 1996 sehingga kini, tahun 2020 dibincangkan sebaik mungkin bagi membantu pelajar bakal guru memahami sejarah dan evolusi pendidikan di Malaysia. Buku ini juga membincangkan tentang Falsafah Pendidikan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru sebagai asas pemahaman dan penghayatan untuk menjadi guru yang baik. Untuk meningkatkan tahap profesionalisma dan kompetensi guru, bakal guru dan mereka yang terlibat dalam sistem pendidikan, dibincangkan peranan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti serta Standard Guru Malaysia. Dua bab terakhir buku ini membincangkan kesan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan Revolusi Industri 4.0 dan impaknya kepada sistem pendidikan kebangsaan dan pembelajaran abad ke-21. Selain pelajar bakal guru ini, buku yang dihasilkan boleh dijadikan sumber rujukan kepada pengajar guru di Universiti Awam, Universiti Swasta, IPG, pihak berkepentingan di KPM seperti Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Pendidikan Guru, Bahagian Buku Teks, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Lembaga Peperiksaan dan lain-lain bahagian dan unit di KPM, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah dan masyarakat secara umumnya.

ZAMRI MAHAMOD, Profesor Dr. ialah pensyarah di Pusat Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran, Fakulti Pendidikan, UKM. Mulai berkhidmat di UKM pada tahun 1999 ini memiliki kepakaran dalam bidang Pendidikan Bahasa Melayu, Pendidikan Sastera Melayu, Strategi Pembelajaran Bahasa dan Pendidikan Guru. Berkelulusan Sarjana Muda PBMP dari UPM pada 1992, Sarjana Pendidikan pada tahun 1997 dan Doktor Falsafah pada tahun 2004 dari UKM. Sebagai ahli akademik, beliau telah menghasilkan beberapa buah buku, puluhan bab dalam buku, puluhan jurnal, ratusan prosiding dan membentang puluhan kertas kerja di seminar peringkat antarabangsa dan kebangsaan berkaitan Pendidikan Bahasa Melayu. Antara buku terkini beliau ialah Kreativiti dalam Pengajaran dan Pembelajaran (2016-UKM), Penulisan Akademik dalam Sains Sosial (2016-UKM), Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (2017-DBP), Pemikiran Inventif (2018-UKM), Guru Cemerlang (2019-UKM), Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (2019-UKM) dan lain-lain. ANITA ABDUL RAHMAN, Pn. ialah seorang guru berpengalaman dalam bidang pendidikan Matematik. Mulai berkhidmat sebagai pendidik pada tahun 1999 ini berkelulusan Diploma Kejuruteraan Pertanian pada tahun 1990 dan Bachelor Sains Pembangunan Manusia pada tahun 1997 yang kedua-duanya diperoleh dari UPM. Beliau juga memiliki kelulusan Diploma Pendidikan yang diperoleh melalui Kursus Perguruan Lepas Ijazah dari Maktab Perguruan Batu Rakit (kini IPPG Kampus Dato' Razali Ismail) pada tahun 1999. Kini, beliau berkhidmat sebagai seorang guru di SMK Sultan Abdul Aziz Shah, Kajang.

 **PENERBIT**  
**UKM**  
**UKM PRESS**  
<http://ukmpress.ukm.my>



SISTEM PENDIDIKAN DI MALAYSIA  
Sejarah dan Cabaran Abad ke-21

disunting oleh:  
Zamri Mahamod  
Anita Abdul Rahman

PENERBIT  
UKM  
UKM PRESS



# SISTEM PENDIDIKAN DI MALAYSIA

## Sejarah dan Cabaran Abad ke-21

disunting oleh  
**Zamri Mahamod**  
**Anita Abdul Rahman**

